

Sebulan berdepan banjir

PUCHONG – Gara-gara saliran perparitan bawah tanah yang pecah dan tidak dibaiki, penduduk Kampung Bersatu di sini mendakwa mereka berdepan masalah banjir sejak sebulan lalu.

Penduduk mendakwa apa yang dibimbangi mereka adalah jalan yang menjadi antara laluan utama di kampung itu juga sering mendap dan berlubang dipercayai akibat saluran yang rosak di bawah tanah.

Lebih membimbangkan setiap kali hujan melebihi setengah jam, rumah penduduk di kawasan rendah akan dinaiki air menyebabkan mereka tidak lena tidur sekiranya hujan pada waktu malam.

Penduduk, Chen Tan Ho, 74, berkata, sejak 30 tahun menghuni kampung itu 'keluarganya tidak pernah bimbang soal hujan atau tidak.

Namun katanya, sejak sebulan lalu, dia dan keluarga sering dihantui perasaan gundah kerana kejadian banjir berlaku terutama apabila hujan lebat.

"Saya rasa ada yang tidak kena dengan laluan bawah tanah di jalan utama itu kerana sering mendap dan air longkang tidak mengalir sempurna. Justeru, saya minta pihak



Penduduk menunjukkan saliran perparitan yang didakwa pecah dan tidak mengalirkan air dengan sempurna.

berkenaan baik pulih ia dengan segera kerana saya bimbang apabila saliran pecah jalan pula akan runtuh," katanya.

Bagi Chong Nyok Lin, 65, pula dia dan anak-anak terpaksa mengalihkan kenderaan ke tempat tinggi sekiranya hujan melebihi setengah jam kerana bimbang ditenggelami air.

Katanya, perkara itu pernah diadukan kepada pihak berkenaan namun tiada tindakan penyelesaian diambil sehingga kini.

"Setiap kali diadu, pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) akan datang membuat tinjauan namun isu tidak selesai sehingga kini," katanya

ketika mengadukan perkara itu kepada Setiausaha MCA Puchong, Liew Yew Fook.

Sementara itu Yew Fook berkata, beliau menerima beberapa aduan daripada penduduk Kampung Bersatu yang mendakwa sering berlaku banjir apabila hujan lebat.

Katanya, hasil pemerhatian kasar beliau dipercayai saluran 'culvert' di bawah tanah mengalami kerosakan menyebabkan air dari beberapa longkang berhampiran tidak dapat mengalir sempurna.

Menurutnya, struktur longkang yang pecah, saluran dipenuhi batu, tanah dan sebagainya menyebabkan ia tersumbat.